


PERMOHONAN PEMINDAHAN SURAT KREDIT-i

 ALLIANCE ISLAMIC BANK Alliance Islamic Bank Berhad 200701018870 (776882-V)	JENIS PERMOHONAN UNTUK PINDAHAN SURAT KREDIT-i <input type="checkbox"/> Pemindahan Penuh <input type="checkbox"/> Pemindahan Separa
TARIKH PERMOHONAN INI:	
BUTIRAN BENEFISIARI KEDUA Nama: _____ Alamat: _____ _____ _____	BANK PENASIHAT BENEFISIARI KEDUA Nama: _____ Alamat: _____ _____ _____
Surat Kredit-i ini hendaklah dipindahkan menurut terma dan syarat yang sama sebagaimana Surat Kredit-i yang asal, dan tertakluk Surat Kredit-i ini adalah tertakluk kepada ICC Uniform Customs and Practice for Documentary Credit (UCP) dengan pengecualian perincian pemindahan berikut:	
A) PERINCIAN SURAT KREDIT-i ASAL Amaun Surat Kredit-i (dalam angka): _____ Nombor Rujukan Surat Kredit-i: _____ Kuantiti Barangan dan/atau Harga Seunit (sekiranya berkenaan): _____ Tarikh Luput: _____ Tarikh Terakhir Penghantaran: _____ Tempoh Terakhir Pengemukaan: _____ Perlindungan Takaful/Insurans (sekiranya berkenaan): _____ Arahan lain (sila nyatakan): _____	
B) PERINCIAN PEMINDAHAN Amaun Surat Kredit-i (dalam angka): _____ Kuantiti Barangan dan/atau Harga Seunit (sekiranya berkenaan): _____ Tarikh Tamat Tempoh: _____ Tarikh Terakhir Penghantaran: _____ Tempoh Terakhir Penyampaian: _____ Perlindungan Takaful (sekiranya berkenaan): _____	
ARAHAN LAIN (sila nyatakan)	

MOD PENGHANTARAN - Sila keluarkan pindahan melalui:

SWIFT Kurier Lain-lain: _____

CAJ

- Debitkan segala caj daripada akaun saya/kami dengan Alliance Islamic Bank/Alliance Bank yang bernombor: _____
- Segala caj perlu dibayar melalui akaun Penerima Pindahan.
- Arahan lain (sila nyatakan): _____

CATATAN :**UNTUK KEGUNAAN BANK SAHAJA**

Tandatangan
disahkan oleh:

TANDATANGAN SAH & COP SYARIKAT**Nota:**

- (1) Borang ini perlu dilengkapkan dan ditandakan ✓ di mana yang berkenaan.
- (2) Maklumat terperinci mengenai Yuran & Caj Pembiayaan Perdagangan Islam boleh didapati di laman web kami di <https://www.alliancebank.com.my>

Pengakuan: (dibuat merujuk kepada Pemindahan Surat Kredit-i ini, sila tandakan ✓ pada salah satu yang berikut:)

i. PEMINDAHAN SEPENUHNYA SURAT KREDIT-i

Melalui pemindahan ini, segala hak saya/kami bagi kredit tersebut dipindahkan kepada Penerima Pindahan dan Penerima Pindahan tersebut akan mempunyai segala hak sebagai benefisiarinya, termasuklah sebagai satu-satunya yang mempunyai hak berkaitan dengan sebarang pindaan, sama ada peningkatan atau pengurangan atau pelanjutan dan sama ada yang sedia ada atau dibuat kemudian.

Kredit ini boleh dipinda, dilanjutkan atau ditingkatkan, tanpa persetujuan kami atau notis kepada kami dan bank akan memberikan notis secara langsung kepada Penerima Pindahan.

Kredit dengan ini dikembalikan dengan segala pindaan yang di buat terhadapnya sehingga tarikh ini. Saya/Kami memohon supaya bank memaklumkan kepada Penerima Pindahan menerusi cara yang dianggap wajar bagi pemindahan kredit ini serta terma dan syarat kredit yang dipindahkan tersebut.

Adalah difahamkan bahawa pemindahan ini hanya akan berkuat kuasa selepas pemberitahuan bank kepada Penerima Pindahan.

Saya/Kami dengan ini bersetuju dan mengaku janji untuk menanggung rugi dan melindungi bank sepenuhnya pada setiap masa daripada dan terhadap segala tuntutan, permintaan, tindakan, prosiding, kerugian dan perbelanjaan termasuklah kos guaman dan segala liabiliti lain dalam apa jua jenis dan bentuk yang mungkin dilakukan atau diambil atau ditanggung atau dialami oleh anda berkaitan dengan atau dalam apa-apa cara yang timbul daripada kredit yang dipindahkan tersebut.

Saya/Kami juga bersetuju dan mengaku janji bahawa sekiranya caj pemindahan adalah untuk akaun Penerima Pindahan, saya/kami akan melakukan pembayaran segera kepada anda bagi caj pindahan sedemikian atas permintaan bertulis pertama anda yang menyatakan bahawa caj tersebut masih belum dibayar oleh Penerima Pindahan.

Kecuali dinyatakan sebaliknya di sini, caj Bank tidak termasuk sebarang cukai semasa dan cukai masa akan datang yang mungkin menurut undang-undang yang berkenaan. Pada tarikh penguatkuasaan pelaksanaan mana-mana cukai tersebut pada masa akan datang dan di mana berkenaan, Bank berhak untuk menuntut cukai tersebut daripada saya/kami.

ii. PEMINDAHAN SEPARA SURAT KREDIT-i

Melalui pemindahan ini, segala hak saya/kami ke atas kredit tersebut dipindahkan kepada Penerima Pindahan, tertakluk kepada pengecualian yang berkenaan di bawah Seksyen A yang tersebut di atas dan Penerima Pindahan akan mempunyai hak sebagai benefisiarinya, termasuklah pindaan yang dilakukan ke atasnya sehingga tarikh ini. Walau bagaimanapun, adalah difahamkan bahawa sebarang pindaan pada masa hadapan yang dilakukan selepas ini perlu dimaklumkan kepada saya/kami dan anda dibenarkan untuk menasihati Penerima Pindahan mengenai pindaan tersebut dengan sewajarnya dengan syarat bahawa sebarang pindaan ke atas pengecualian yang berkenaan di bawah Seksyen A yang dinyatakan di atas telah dibenarkan sewajarnya oleh saya/kami secara bertulis kepada bank.

Sila maklumkan kepada Penerima Pindahan menerusi cara yang dianggap wajar bagi terma dan syarat kredit seperti yang dipindahkan tersebut, dan selepas mengambil maklum pemindahan tersebut pada instrumen asal yang dihantar oleh saya/kami untuk penjagaan selamat anda, sila sertakan salinan pemberitahuan anda kepada Penerima Pindahan. Difahamkan bahawa pindahan ini akan berkuat kuasa hanya selepas anda memaklumkan Penerima Pindahan.

Saya/Kami dengan ini bersetuju dan berjanji untuk melindungi anda dan memastikan anda dilindungi sepenuhnya pada setiap masa daripada dan terhadap semua tuntutan, permintaan, tindakan, prosiding, kerugian dan perbelanjaan termasuk kos guaman dan semua liabiliti lain dalam bentuk atau huraian sekalipun yang mungkin dilakukan atau diambil atau ditanggung atau dialami oleh anda berkaitan dengan atau dalam apa-apa cara yang timbul daripada kredit yang dipindahkan dan hasrat saya/kami untuk menggantikan Invois dan draf saya/kami sebagai pertukaran dengan Invois dan draf Penerima Pindahan.

Saya/Kami juga bersetuju dan mengaku janji:

1. untuk membekalkan invois dan draf saya/kami sendiri sebagai pertukaran dengan Invois dan draf Penerima Pindahan atas permintaan pertama anda, dan sekiranya saya/kami gagal melaksanakannya dalam masa dua (2) hari, anda berhak untuk menyerahkan dokumen yang diterima di bawah Surat Kredit-i tersebut termasuk invois dan draf Penerima Pindahan kepada Bank Pengeluar tanpa rujukan atau tanggungjawab yang selanjutnya kepada saya/kami;
2. bahawa sekiranya saya/kami gagal menjawab sebarang pemberitahuan daripada anda dengan segera tentang sebarang ketidaksejajaran atau percanggahan antara dokumen yang diminta di bawah Surat Kredit-i tersebut dan dokumen yang dikemukakan oleh Penerima Pindahan, anda berhak menguruskan dokumen tidak teratur atau bercanggah tersebut melalui apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh anda tanpa rujukan selanjutnya kepada saya/kami dan kami tidak akan bertanggungjawab kepada anda dalam apa-apa cara sekalipun untuk sebarang ganti rugi atau kerugian yang dialami atau ditanggung oleh saya/kami;
3. sekiranya caj pindahan adalah untuk akaun Penerima Pindahan, saya/kami akan melakukan bayaran segera bagi caj pindahan tersebut kepada anda atas permintaan bertulis pertama anda yang menyatakan bahawa caj tersebut masih belum dibayar oleh Penerima Pindahan.
4. Kecuali dinyatakan sebaliknya di sini, caj Bank tidak termasuk sebarang cukai semasa dan yang mungkin akan dikenakan pada masa akan datang menurut undang-undang yang berkenaan. Pada tarikh penguatkuasaan pelaksanaan mana-mana cukai tersebut pada masa akan datang dan di mana berkenaan, Bank berhak untuk mendapatkan semula cukai sedemikian daripada saya/kami.